

**Keterangan: Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional Kali Ke-3 2009, 9-10
Disember 2009, di UTM, Skudai, Johor Bahru.**

KESEDIAAN BAKAL PENDIDIK PTV MENERIMA PENEMPATAN YANG DITETAPKAN

**Ahmad Esa, Phd
Abdul Rasid Abdul Razzaq**

**Nazihah Binti Mohd Noor
Politeknik Ungku Omar
Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

ABSTRAK

Pendidik berperanan menyebarkan ilmu dalam menghasilkan generasi yang berpendidikan bagi memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kesediaan seseorang itu untuk menjadi pendidik adalah bergantung pada kesediaan mereka dalam menyiapkan diri ke arah alam pekerjaan sebenar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan bakal pendidik Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) menerima penempatan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atau Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadi pendidik di institusi pengajian seperti Sekolah Menengah Teknik, Kolej Komuniti dan Politeknik. Kajian ini melibatkan seramai 161 orang sampel kajian yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Sarjana Muda dan pelajar Sarjana yang sedang mengikuti program PTV di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang dipilih secara rawak sebagai responden. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan temu bual bagi menyokong data soal selidik. Data-data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 12.0 yang melibatkan analisis faktor, statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima faktor yang menunjukkan status kesediaan responden bersedia iaitu bagi faktor insentif, hubungan sosial, fizikal, intelek dan persekitaran. Tiga faktor yang lain menunjukkan status kesediaan responden kurang bersedia iaitu bagi faktor kemudahan prasarana, emosi dan bebanan kerja. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menunjukkan bakal pendidik PTV kurang bersedia dalam menerima arahan penempatan yang ditetapkan. Pengkaji mencadangkan supaya bakal pendidik perlu diberi pendedahan yang secukupnya semasa mengikuti program pendidikan agar mereka lebih bersedia dalam menerima arahan penempatan ini.

1.0 PENGENALAN

Perkembangan dunia pendidikan semakin mencabar dan permintaan untuk melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang pendidikan semakin meningkat. Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan salah sebuah Universiti yang terdapat di Malaysia yang dipertanggungjawab untuk memenuhi permintaan dalam bidang pendidikan. Kursus Sarjana dan Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional telah ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM yang cemerlang serta pelajar lepasan ijazah bagi melahirkan kumpulan pendidik yang berdaya saing dan inovatif.

Pelajar-pelajar yang mengikuti jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) ini didedahkan dengan pelbagai ilmu teori perguruan dan amali pengajaran yang di fikirkan berguna dan terbaik untuk membantu menjadi pendidik yang berketerampilan. Berdasarkan kajian oleh (Mohd Zolkifli *et al.*, 2007), terdapat tiga komponen utama dalam sistem pendidikan sesebuah negara ialah kurikulum, prasarana/infrastruktur dan sumber manusia. Dilihat dari aspek pembangunan sumber manusia, pendidik dianggap elemen penting yang menjadi nadi penggerak kepada keseluruhan jentera pendidikan. Menyentuh tentang kepelbagaian program pendidikan perguruan di Politeknik, Kolej Komuniti dan Sekolah Menengah Teknik, pelbagai bentuk kursus dan jenis pengajian dilihat sebagai teras dalam penghasilan pendidik melalui pendedahan pengalaman dalam situasi sebenar.

Dalam menyediakan bakal pendidik bersedia untuk menerima dan patuh kepada arahan penempatan yang diarahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) atau Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), masih terdapat masalah berhubung dengan ketidaksediaan bakal pendidik

ini terhadap penempatan mengajar yang ditetapkan. Antara masalah yang berlaku adalah seperti tidak lapor diri ke institusi pengajian yang ditetapkan.

Dalam dunia kerja, komitmen seseorang terhadap organisasi atau perusahaan sering kali menjadi isu yang penting sehinggakan kepentingan hal tersebut menyebabkan beberapa organisasi memasukkan unsur komitmen sebagai salah satu syarat untuk memegang sesuatu posisi yang ditawarkan dalam iklan-iklan pekerjaan. Sebenarnya, komitmen individu terhadap organisasi atau perusahaan didefinisikan sebagai kekuatan yang bersifat relatif dari individu dalam mengidentifikasi keterlibatan dirinya pada bahagian organisasi.

Permasalahan kesetiaan dalam sesuatu pekerjaan bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana terdapat isu apabila guru yang sudah berkhidmat selama 20 tahun mengajar, tiba-tiba berhenti kerja untuk menjadi seorang usahawan. Pada dasarnya, minat itu kekal tetapi boleh berubah disebabkan faktor pulangan ekonomi, suasana tempat kerja dan motivasi kerja dan penjelasan ini diperkukuhkan oleh Salehudin dan Mahadi. (2005) yang menyatakan terdapat sebanyak lima faktor dikenal pasti mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu faktor pengaruh orang yang signifikan, faktor peribadi, faktor kerja itu sendiri, faktor jantina dan faktor lokasi tempat tinggal berkemungkinan menjadi pendorong mereka memilih sesuatu kerjaya.

Kepuasan kerja merupakan salah satu faktor daripada pemilihan kerjaya yang dilakukan. Menurut Sharifah Baharom (2006), kepuasan kerja juga didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi kerja dan juga kepuasan kerja didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan komitmen organisasi. Konsep ini menjelaskan bahawa kepuasan kerja adalah kombinasi keadaan psikologi, fisiologi dan persekitaran yang menyebabkan seseorang itu menyatakan "Saya berpuas hati dengan kerjasama" manakala Weiss dan Weiss (1999) mengukuhkan lagi takrifan kepuasan kerja dengan menambahkan elemen emosi yang selesa atau positif yang terhasil daripada penilaiannya terhadap pekerjaan atau pengalaman pekerjaan seseorang.

Kredibiliti profesionalisme dalam sesuatu kerjaya merupakan elemen penting dalam menempuh hidup sepanjang hayat. Profesionalisme sebagai pendidik perlu ditekankan dalam kalangan bakal pendidik supaya profesion ini tidak lagi menjadi bahan kritikan terhadap isu permasalahan penempatan dalam kalangan bakal pendidik. Kebanyakan bakal pendidik mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang tetapi apabila pihak KPTM atau KPM menempatkan mereka untuk berkhidmat, masalah kekurangan pendidik berlaku di sesetengah tempat kerana bakal-bakal pendidik ini menolak atau membuat rayuan sekiranya ditempatkan mengajar ke penempatan yang tidak menjadi pilihan mereka atau tempat yang jauh dari kediaman keluarga mereka.

Jika dilihat dari segi konsep nasional, tujuan utama pendidikan adalah untuk membentuk perpaduan. Dalam proses menuju ke arah matlamat ini, dasar pendidikan dibentuk untuk menggalakkan pertumbuhan nilai sosial dan taat setia semua kaum terhadap negara. Ini bermakna kesemua rakyat perlu meninggalkan ikatan asal mereka, dan mengikut cara hidup, budaya serta bahasa tempat mereka bermastautin. Salehudin dan Mahadi (2005) menyokong kenyataan tersebut dengan mengelaskan perkara tersebut adalah faktor individu yang signifikan iaitu individu perlu menyesuaikan diri dengan tempat mereka bekerja. Justeru itu, tahap kesediaan bakal pendidik PTV menerima penempatan yang ditetapkan oleh KPTM atau KPM bukanlah satu isu baru dalam sistem pendidikan Malaysia. Masalah ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan pendidik aliran teknikal ini sahaja malah berlaku dalam kalangan kakitangan sektor awam.

Masalah kekurangan pendidik sudah dapat di atasi tetapi masalah kekurangan pendidik di sebahagian kawasan tertentu perlu dikaji semula. Selain itu, masalah penempatan juga menjadi tidak seimbang kerana jumlah yang sepatutnya bertugas di sesebuah kawasan tidak menepati nisbah yang ditetapkan (Pelan Induk Pembangunan Penyelidikan, 2006–2010). Permasalahan ini juga berlaku di sebahagian politeknik di mana statistik penempatan staf akademik tidak seimbang di antara sebuah politeknik dengan politeknik yang lain terutama Politeknik di Mukah, Sarawak yang mempunyai bilangan staf yang sedikit.

Oleh itu, konsep profesionalisme pendidik perlu difahami sedalam-dalamnya oleh mereka yang ingin berkecimpung ataupun yang sudah melibatkan diri dalam profesion ini. Bagi bakal-bakal pendidik, seharusnya mereka tidak memilih kerjaya ini sebagai pilihan terakhir. Sekiranya mereka memahami dan menghayati ciri-ciri yang perlu ada bagi seorang yang bergelar pendidik, sudah tentu mereka akan berusaha untuk menjadi pendidik yang baik, beretika, bermoral dan sentiasa memilih amanah yang telah diberikan kepadanya dalam mendidik anak bangsa. Isu penempatan untuk mengajar juga tidak akan menjadi masalah sekiranya konsep profesionalisme pendidik ini difahamkan dan di amalkan dengan betul.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Kepesatan pembangunan di Malaysia menyebabkan pembangunan Kolej Komuniti dan Politeknik juga turut rancak dibangunkan selaras dengan penghasilan warga pendidik dari institusi-institusi pengajian tinggi. Bagi memartabatkan profesion pendidik ini, di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) telah menetapkan pendidik-pendidik yang baru menamatkan pengajian perguruan dari maktab atau institusi pengajian tinggi diwajibkan berkhidmat ke kawasan yang telah diarahkan oleh KPTM dan KPM tanpa sebarang pengecualian atau permohonan pertukaran tempat.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menambah baik insentif dan mewujudkan skim insurans khusus kepada pendidik yang berkhidmat di pedalaman selain menyediakan rumah pendidik dan kemudahan asas yang sempurna bagi menarik minat pendidik terhadap penempatan yang telah diberikan. Pendidikan di Malaysia perlu diperkemas supaya kemajuan yang di kecapai adalah bersifat menyeluruh serta rakyat dapat berusaha bersama-sama untuk memajukan negara yang tercinta. Sehubungan dengan itu, pihak pentadbiran KPTM dan KPM menguruskan segala penempatan warga pendidik berdasarkan Sekolah Menengah Teknik, Politeknik dan Kolej Komuniti yang terdapat di dalam Malaysia ini.

Sebagai warga pendidik, isu kesediaan dari segi penempatan bukanlah sepatutnya dijadikan sebagai penyebab mereka tidak hadir lapor diri mahupun memohon penukaran tempat bekerja. Kebimbangan ini selalu wujud dalam kalangan bakal pendidik untuk melakukan tugas baru dalam hidup mereka (Koba, Ogawa dan Wilkinson, 2000). Tugas seorang pendidik bukanlah terletak pada penempatan bekerja tetapi ilmu yang disampaikan kepada pelajar itulah yang akan menjadi penentu masa depan negara Malaysia yang tercinta ini.

Berdasarkan kajian oleh Janina Trotman (2006), Jabatan Pendidikan Negeri, Australia Barat melaporkan bahawa terdapat permasalahan penempatan berdasarkan faktor demografi dan jarak penempatan bagi bakal pendidik. Masalah yang sama turut berlaku di Malaysia iaitu berdasarkan kajian awal yang telah dilakukan, terdapat kes warga pendidik tidak melaporkan diri ke tempat yang telah di arahkan oleh KPTM dan KPM. Perkara ini terjadi disebabkan oleh penempatan yang diarahkan tersebut tidak memenuhi pilihan pendidik-pendidik tersebut. Salehudin, *et al.* (2005) turut menyokong kenyataan tersebut dan berpendapat bahawa faktor lokasi penempatan menjadi pilihan warga pendidik. Perkara ini turut dipersetujui oleh Melissa A. Hardy, *et al.* (2000) dengan menambah elemen gaji yang ditawarkan adalah tidak memenuhi kehendak warga pendidik. Faktor persekitaran yang menjadi lokasi penempatan bekerja juga menjadi salah satu daripada faktor individu untuk bekerja terkandung di dalam teori Ginzberg (Sidek Mohd Noah, 2002).

Penempatan dikaitkan dengan pilihan warga pendidik terhadap tempat mereka akan berkhidmat nanti. Ciri-ciri penempatan tersebut bukan sahaja melibatkan lokasi tempat mereka berkhidmat nanti tetapi perkara ini adalah lebih memusatkan kepada minat seseorang individu itu terhadap pekerjaannya. Terdapat individu yang boleh menerima penempatan yang berhampiran dengan lokasi kediaman keluarga mereka tetapi ada sesetengah individu pula merasakan penempatan yang hampir dengan lokasi kediaman menjadi satu halangan kepada mereka. Faktor lokasi sama ada dekat atau jauh bukanlah menjadi isu tetapi tahap kesediaan fizikal dan mental bakal-bakal pendidik ini akur menerima arahan penempatan yang diarahkan oleh KPTM dan KPM perlu di kaji dan diteliti. Justeru itu, persediaan ke arah melahirkan pendidik yang berkualiti serta dapat menurut arahan penempatan perlu dikemas kini. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Azizah Rajab, *et al.* (2006) yang menyatakan bahawa keengganan guru melaporkan diri ke tempat yang telah di arahkan perlu dikaji dan sistem pendidikan patut di susun semula.

Berdasarkan statistik yang telah dilakukan di dapati pada tahun 2005 hanya 10.41% sahaja staf akademik politeknik di kawasan Sabah dan Sarawak manakala pada tahun 2006 pertambahan bilangan staf akademik hanya sedikit sahaja iaitu 12.31%. Kenyataan tersebut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Butler. T (2006), iaitu terdapat isu di mana tempat kerja menjadi satu punca berlakunya keengganan pekerja untuk bekerja jauh dari tempat kediaman keluarga mereka. Walaupun ditempatkan ke kawasan yang mempunyai kelengkapan prasarana yang mencukupi namun apabila berjauhan dengan keluarga, mereka sanggup menolak kerja hingga ada yang membuat rayuan untuk mendapatkan tempat kerja yang berdekatan dengan kediaman keluarga mereka. Hal ini turut dibuktikan dengan data dari Jadual 1 dan Jadual 2 yang diperoleh dari Kolej Komuniti Bandar Darul Aman menunjukkan 4 orang daripada 15 orang bakal pendidik tidak melaporkan diri ke Kolej Komuniti tersebut manakala terdapat seramai 6 orang pensyarah tidak melaporkan diri ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kesediaan seseorang pendidik itu bekerja ke tempat yang diarahkan.

Jadual 1: Senarai pensyarah yang melaporkan dan tidak melaporkan diri ke Kolej Komuniti Bandar Darul Aman
Sumber: Bahagian Sumber Manusia Kolej Komuniti Bandar darul Aman (2007)

BIL	NAMA	KELULUSAN	TARIKH LAPOR DIRI
1	Pensyarah A	Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kep)	01.08.2007
2	Pensyarah B	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	16.08.2007
3	Pensyarah C	Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem dan Rangkaian Komputer (KEP)	16.08.2007
4	Pensyarah D	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa industri) (KEP)	16.08.2007
5	Pensyarah E	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik) (KEP)	16.08.2007
6	Pensyarah F	Sarjana Muda Kejuruteraan (ELEKTRIK) (KEP)	16.08.2007
7	Pensyarah G	Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) (KEP)	TIDAK LAPOR DIRI
8	Pensyarah H	Sarjana Muda Seni Lukis Dan Seni Reka (Seni Reka Fesyen) (KEP)	16.08.2007
9	Pensyarah I	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	16.08.2007
10	Pensyarah J	Sarjana Muda Sains Komputer (KEP)	16.08.2007
11	Pensyarah K	Sarjana Muda Teknologi Maklumat (KEP)	16.08.2007
12	Pensyarah L	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (AUTOMOTIF)	16.08.2007
13	Pensyarah M	Sarjana Muda Seni Gunaan (Teknologi Seni reka) (KEP)	TIDAK LAPOR DIRI
14	Pensyarah N	Sarjana Muda Sains Komputer(KEP)	TIDAK LAPOR DIRI
15	Pensyarah O	Sarjana Muda Sains Komputer (KEP)	TIDAK LAPOR DIRI

Jadual 2: Senarai pensyarah yang tidak melaporkan diri ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis mulai 01.01.2007

BIL	NAMA	TARIKH LAPOR DIRI	STATUS
1	Pensyarah GST (A)	02.07.2007	TIDAK LAPOR DIRI
2	Pensyarah GSTT (B)	01.02.2007	TIDAK LAPOR DIRI
3	Pensyarah GSTT (C)	01.08.2007	TIDAK LAPOR DIRI
4	Pensyarah GSTT (D)	01.09.2007	TIDAK LAPOR DIRI
5	Pensyarah GSTT (E)	01.09.2007	TIDAK LAPOR DIRI
6	Pensyarah GSTT (F)	01.09.2007	TIDAK LAPOR DIRI

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif di dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Mengenal pasti kesediaan bakal pendidik PTV menerima penempatan yang ditetapkan.
- ii. Mengenal pasti kewujudan perbezaan kesediaan antara bakal pendidik lelaki dengan bakal pendidik perempuan.
- iii. Mengenal pasti kewujudan perbezaan kesediaan antara bakal pendidik yang sudah berkahwin dengan bakal pendidik yang bujang.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Johnson (2000) menyatakan sesuatu penyelidikan deskriptif dapat menerangkan dan memperincikan sesuatu fenomena yang berlaku. Menurut Cohen, *et al.* (1994) pula, penyelidikan deskriptif jenis tinjauan ini merupakan satu kaedah yang kerap kali digunakan dan instrumen yang digunakan ialah soal selidik dan temu bual.

Kaedah ini sesuai dan lebih praktikal untuk mendapatkan maklum balas dari responden bagi melihat status kesediaan bakal pendidik PTV menerima penempatan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) atau Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pengkaji juga melakukan temu bual terhadap beberapa orang pelajar yang sedang mengikuti kursus Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di UTHM. Temu bual ini dilakukan bagi menyokong data soal selidik. Syed Arabi (1998) menyatakan bahawa pendekatan ini dapat menyumbangkan maklumat yang maksimum melalui soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden. Jadual 1 menunjukkan ringkasan bagi metodologi yang digunakan dalam kajian ini manakala Jadual 2 menunjukkan kaedah penganalisisan data berdasarkan kepada persoalan kajian.

5.0 ANALISIS DATA

Jadual 3: Analisis data bagi setiap objektif kajian

	Deskriptif	Frekuensi dan Peratusan - Bahagian A (Demografi Responden)
Objektif 1	Inferensi Deskriptif	Analisis Faktor - Bahagian B Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai - Bahagian B
Objektif 2	Inferensi	Ujian-t - Jantina (Lelaki vs Perempuan)
Objektif 3	Inferensi	Ujian-t - Status Perkahwinan (Kahwin vs Bujang)

6.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 3 : Min dan sisihan piawai bagi setiap faktor kesediaan

Faktor	Min	Sisihan Piawai	Status Kesediaan
Insentif	4.095	0.669	Bersedia
Hubungan Sosial	4.057	0.599	Bersedia
Kemudahan Prasarana	3.474	0.783	Kurang Bersedia
Fizikal	3.840	0.613	Bersedia
Intelek	3.820	0.667	Bersedia
Emosi	3.481	0.840	Kurang Bersedia
Persekitaran	3.686	0.862	Bersedia
Bebanan Kerja	3.382	0.867	Kurang Bersedia

Min Keseluruhan	3.729	0.464	Bersedia
------------------------	--------------	--------------	-----------------

Berdasarkan Jadual 3, min keseluruhan (min = 3.729) bagi setiap faktor kesediaan adalah pada status kesediaan bersedia. Daripada lapan faktor tersebut, terdapat lima faktor yang menunjukkan status kesediaan bersedia iaitu bagi faktor insentif, hubungan sosial, fizikal, intelek dan persekitaran manakala tiga faktor yang lain menunjukkan status kesediaan responden kurang bersedia bagi faktor kemudahan prasarana, emosi dan bebanan kerja.

7.0 PERBINCANGAN

Insentif merupakan satu faktor penting yang dapat mempengaruhi komitmen terhadap organisasi dalam kalangan pekerja untuk mengubah, mencipta kepuasan dan memberi motivasi kepada pekerja dalam memberi komitmen yang paling optimum kepada sesebuah organisasi. Secara umumnya, faktor insentif ini dapat menarik minat bakal pendidik untuk memberikan khidmat mereka ke mana sahaja. Walaupun terdapat halangan seperti faktor keluarga dan lokasi, responden bersedia jika terdapatnya insentif seperti ini. Oleh yang demikian faktor insentif sangat dititikberatkan oleh responden dalam menerima penempatan yang telah disediakan. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Leithwood et al. (2004) yang menyarankan bahawa dengan memberi perhatian secara individu kepada pendidik-pendidik, dapat mengiktiraf potensi pendidik serta dapat meningkatkan semangat pendidik untuk bekerja.

Faktor kesediaan dari segi hubungan sosial penting kerana di dalam sesebuah komuniti, setiap individu mestilah hidup bermasyarakat dengan komuniti di sekeliling mereka. Kehidupan bermasyarakat saling perlu memerlukan antara satu sama lain kerana tanpa kerjasama dan persefahaman, masyarakat tidak dapat dibentuk dan dibangunkan. Secara keseluruhannya, faktor kesediaan pendidik dari segi hubungan sosial ini perlu dijaga dengan baik sama ada hubungan dengan masyarakat setempat, rakan sekerja mahupun dengan pelajar-pelajar. Ini kerana jika perhubungan ini dapat dijaga dan dikawal dengan baik maka segala urusan kerja ataupun sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan lancar dan masalah tekanan di tempat kerja juga dapat diatasi dengan mudah.

Persediaan dari segi fizikal dan mental adalah penting bagi seseorang itu untuk menerima penempatan yang ditetapkan kerana tanpa persediaan yang mencukupi maka perkara ini akan mengganggu perhatian bakal pendidik tersebut dalam melakukan sebarang aktiviti kerja mereka terutama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua item di dalam faktor fizikal ini mempunyai status kesediaan responden adalah bersedia. Hal ini menjelaskan bahawa responden bersedia menerima penempatan yang ditetapkan dari aspek fizikal.

Berdasarkan kepada tujuh item yang terdapat di dalam faktor kemudahan prasarana, status kesediaan yang menunjukkan responden kurang bersedia bagi faktor ini adalah berkaitan dengan alat bahan bantu mengajar (ABBM). Dari hasil analisis tersebut, proses pengajaran dan pembelajaran akan terjejas kerana kebanyakan responden tidak dapat menyesuaikan diri jika ABBM ini tidak mencukupi. Hal ini hendaklah di atasi dengan segera kerana sebarang proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah bergantung semata-mata kepada ABBM tetapi kandungan penyampaian pengajaran tersebut. Dapatan tersebut menambah lagi langkah yang perlu di ambil dalam mengatasi masalah seperti berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suhaida Abdul Kadir *et al.* (2007) iaitu setiap pendidik perlu menunjukkan sikap kreatif dalam proses pengajarannya dan mereka tidak seharusnya mempunyai sikap terlalu bergantung pada ABBM yang disediakan oleh pihak institusi pengajian. Dapatan kajian juga melihatkan bagi faktor kemudahan prasarana menunjukkan bakal pendidik kurang bersedia menerima arahan penempatan mengajar tersebut sekiranya kemudahan prasarana di tempat mereka akan mengajar nanti tiada kemudahan prasarana atau kemudahan ini serba kekurangan. Faktor-faktor seperti ini boleh menjejaskan mutu pengajaran dan pembelajaran bakal pendidik tersebut dan perkara tersebut jika tidak di atasi dengan segera memberikan implikasi yang buruk kepada para pelajar dan institusi pengajian tersebut.

Berdasarkan kajian Koba, Ogawa dan Wilkinson (2000), kebimbangan biasanya akan wujud dalam kalangan bakal pendidik untuk melakukan tugas baru dalam hidup mereka. Dapatan dari analisis menunjukkan bahawa kesemua item di dalam faktor intelek menunjukkan status kesediaan responden adalah bersedia. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa kajian yang dilakukan oleh Koba, Ogawa dan Wilkinson (2000) adalah bertentangan dengan dapatan kajian ini tetapi sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Asmawati Desa *et al.* (2006) iaitu faktor tersebut tidak begitu mempengaruhi kesediaan bakal pendidik terhadap penempatan yang ditetapkan kerana di dalam kajian beliau item terbabit mempunyai peratusan kebimbangan yang rendah.

Keyakinan diri tidak hadir dengan sendirinya. Keyakinan ini datang seiring dengan emosi seseorang itu terhadap persepsi mereka terhadap sesuatu perkara. Berdasarkan analisis yang dilakukan, status kesediaan responden adalah kurang bersedia dari segi emosi. disokong oleh Cheng, S. (2004) di dalam kajiannya yang menyatakan bahawa terdapat sebilangan bakal pendidik risau mengenai penempatan yang bakal diberikan kepada mereka nanti manakala kajian yang dilakukan oleh Zapf (2002) menambah lagi kepada kerisauan bakal pendidik dari segi tempat tinggal. Salleh Abd Rashid *et al.* (2007) menegaskan supaya bakal pendidik haruslah bersiap sedia menghadapi pelbagai perubahan dan pembaharuan dalam sistem pendidikan negara bagi menyediakan golongan pendidik yang profesional, berkeperibadian dan berketerampilan sosial.

Menurut Zafir dan Fazilah (2006), tekanan di tempat kerja terjadi apabila keperluan kerja tidak sepadan dengan kebolehan, sumber, dan kehendak pekerja. Tekanan akibat beban tugas, konflik dan layanan serta persekitaran yang tidak memuaskan di tempat kerja boleh membantutkan pertumbuhan produktiviti sesebuah institusi pendidikan sekiranya tidak diatasi segera. Dapatan kajian menunjukkan status kesediaan responden adalah bersedia untuk berhadapan dengan masyarakat sekeliling di penempatan mereka di arahkan untuk berkhidmat nanti tetapi bercanggah dengan kajian oleh Zafir dan Fazilah (2006).

Kehidupan moden hari ini sememangnya penuh dengan tekanan. Tekanan kerja melibatkan bebanan kerja dan hal ini sering kali dihadapi oleh pekerja-pekerja tidak kira peringkat umur, jantina, bangsa sama ada di sektor swasta mahupun di sektor kerajaan. Bebanan kerja bukan sahaja melibatkan tugas sebagai pendidik malah bebanan kerja ini dalam tugas yang lain seperti kerja-kerja pentadbiran iaitu mengurus data, fail serta laporan-laporan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bakal pendidik kurang bersedia menerima penempatan yang ditetapkan dari aspek bebanan kerja sama ada bebanan kerja di institusi pengajian yang baru di buka dan juga bebanan kerja yang diberikan oleh pekerja lama (*senior*). Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya *et al.* (2002) iaitu pendidik terpaksa melakukan kerja lebih masa, perkeranian, menyediakan alat bantu mengajar, menghadiri kursus atau bengkel setiap minggu sambil terpaksa melakukan penyesuaian terhadap keadaan pengajaran yang baru.

Isu jantina dalam profesion perguruan sebenarnya adalah fenomena global. Dominasi wanita dalam bidang pendidikan bukan saja berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia, terutama di negara maju seperti Britain, Australia dan Amerika Syarikat (Mohd Fuad Razali, 2004). Lazimnya isu ketidaksediaan bakal pendidik biasanya berlaku dalam kalangan bakal pendidik perempuan. Ini adalah disebabkan faktor bakal pendidik perempuan yang sudah berkeluarga serta tahap keyakinan diri mereka lebih rendah berbanding tahap keyakinan bakal pendidik lelaki. Kenyataan ini turut disokong oleh Fatimah Omar (2006) dalam kajiannya yang menyatakan konflik kerja-keluarga kebanyakannya terjadi kepada pendidik wanita kerana faktor tekanan dari domain kerja dan keluarga tersebut. Penyelidik-penyelidik lain pula mengatakan bahawa wanita biasanya lebih mudah dilanda kemurungan berbanding lelaki (Ingersoll, 1989; Haugaard, 2001). Hasil dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan kesediaan antara bakal pendidik lelaki dengan bakal pendidik perempuan. Dapatan ini menyangkal kenyataan oleh Fatimah Omar (2006) serta penyelidik-penyelidik yang lain kerana kesediaan bakal pendidik zaman sekarang mempunyai kesediaan yang sederhana bagi kedua-dua jantina ini.

Perkahwinan adalah suatu ikatan yang teguh antara lelaki dengan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk menjalani kehidupan berumah tangga sebagai suami dan isteri. Menjadi suatu *trend* kepada bakal pendidik untuk berkahwin sebelum mereka tamat pengajian bagi mengelakkan mereka dihantar mengajar jauh dari keluarga ataupun tempat tinggal mereka. Perkahwinan tersebut merupakan satu tiket kepada mereka yang sudah berkahwin untuk memilih tempat mengajar yang diingini kerana di dalam borang penempatan mengajar, sijil kahwin perlu disertakan bagi menimbang tempat yang dipohon bakal pendidik tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara bakal pendidik yang sudah berkahwin dengan bakal pendidik yang masih bujang bagi kesediaan menerima penempatan yang ditetapkan. Kenyataan ini menjelaskan bahawa sama ada bujang ataupun sudah berkahwin kesediaan responden menerima penempatan ini adalah sama iaitu masing-masing mengharapkan di tempatkan mengajar ke tempat yang mereka ingini.

7.0 Kesimpulan

Daripada analisis dan juga perbincangan yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa status kesediaan bakal pendidik adalah bersedia bagi faktor insentif, hubungan sosial, fizikal, intelek dan persekitaran. Kenyataan tersebut menjelaskan bakal pendidik tidak ada sebarang permasalahan kesediaan berhubung dengan empat faktor tersebut dalam menerima arahan penempatan mengajar

yang ditetapkan oleh KPTM atau KPM. Dalam kajian ini juga, tidak terdapat sebarang perbezaan kesediaan berdasarkan jantina serta tidak terdapat sebarang perbezaan kesediaan berdasarkan status perkahwinan responden terhadap penerimaan penempatan yang telah ditetapkan oleh KPTM atau KPM. Dapatan analisis menunjukkan walaupun tidak mempunyai sebarang perbezaan terhadap perhubungan pemboleh ubah terbabit tetapi kesediaan responden bagi setiap perhubungan menjelaskan kesediaan mereka masih berada pada status kesediaan bersedia dalam menerima arahan penempatan yang ditetapkan.

Tuntutan abad ke-21 dilandaskan kepada tuntutan Wawasan 2020 dan Wawasan Pendidikan. Selari dengan tuntutan-tuntutan tersebut penyediaan sumber manusia berkualiti hendaklah dihasilkan oleh sistem pendidikan kita. Pendidikan merupakan tunjang dan landasan pembangunan insan dan negara. Jelaslah bahawa sistem pendidikan tidak akan berfungsi dengan baik kecuali dilengkapi dengan pendidik yang berkelayakan dari semua segi serta kualiti peribadi yang unggul. Menyedari hakikat ini kesediaan bakal pendidik perlu dititik beratkan bagi melahirkan pendidik yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam menerajui peningkatan pencapaian kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P), melonjak kecemerlangan institusi pengajian menerusi perkongsian pengalaman dan kemahiran serta membangunkan modal insan holistik dalam kalangan pelajar.

7.0 Rujukan

- Asmawati Desa dan Fatimah Omar (2002). "Tekanan Kerja di Kalangan Eksekutif." Laporan Penyelidikan. UKM.
- Azizah Rajab, Hamidah Abdul Rahman dan Wan Zarina Wan Zakaria (2006). "Tahap Kebimbangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Terhadap Pendidikan Sains dan Matematik." Dicapai pada Februari 2008, dari http://www.fppsm.utm.my/jurnal/JK6D06/JK6_AZIZAHRAJAB_HAMIDAHABDRAHMAN.pdf
- Azizi Yahaya, Nik Husain dan Nik Diana Hartika (2002). "Tahap Stres Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Di Guru Sekolah Di Negeri Johor, Melaka, Selangor, dan N. Sembilan." (Tidak diterbitkan).
- Cheng, S. (2004). "Endowment and Contrast: The Role of Positive and Negative Emotions on Well-being Appraisal." *Personality and Individual Differences*. **37(5)**. 905-915.
- Cohen, L., Manion, L. dan Morrison, K. (2000). "Research Method in Education." 5th. ed. London: Routledge and Falmer. 201-240.
- Fatimah Omar (2006). "Hubungan Kerja dengan Keluarga." dlm. Rohany Nasir dan Fatimah Omar. "Kesejahteraan Manusia : Perspektif Psikologi." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 126-134.
- Janina Trotman (2006). "Women Teachers in Western Australian "Bush" Schools, 1900-1939: Passive Victims of Oppressive Structures?." *History of Education Society Summer*. **46**. 2-248.
- Johnson, B. & Christensen, L. (2004). "Educational research : Quantitative, Qualitative & Mixed Approaches." New York : Pearson Education Inc. 249-265.
- Koba, O. & Wilkinson (2000). "Using The Community Language Learning Approach To Cope With Language Anxiety." *The Internet TESL Journal*, **VI (11)**.
- Leithwood, K., Seashore Louis, K., Anderson, S., & Wahlstrom, K. (2004). "How leadership influences student learning." New York: Wallace Foundation. Dicapai pada September 2008, dari <http://www.wallacefoundation.org/NR/rdonlyres/E3BCCFA5-A88B-45D3-8E27-B973732283C9/0/ReviewofResearchLearningFromLeadership.pdf>
- Melissa A. Hardy and Kim Shuey (2000). "Pension Decision in a Changing Economy: Gender, Structure and Choice". *The Journals of Gerontology*. **5**. 271.
- Mohd Fuad Razali (2004). "Kelonggaran Syarat Bukan Cara Tambah Guru Lelaki." Dicapai pada Ogos 2008, dari [http://library.utem.edu.my/akhbar/education/2004/2004051413\(0\)bh.html](http://library.utem.edu.my/akhbar/education/2004/2004051413(0)bh.html)
- Mohd Zolkifli, Muhamad Rashid dan Megat Aman Zahiri (2007). "Harapan dan Keresahan Bakal Guru Pelatih dalam Praktikum Latihan Mengajar." Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.
- Pelan Induk Pembangunan Penyelidikan 2006 – 2010. "Kementerian Pelajaran Malaysia." Dicapai pada December 2007, dari <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=penyelidikan&unit=utama&bhs=en&info=4&mod=baca>
- Salleh Abd. Rashid, Mohd Yusof Abdullah, Mohd. Hasani Dali dan Mohamed Sani Ibrahim (2007). "Konsep Profesionalisme Keguruan". dlm. Zamri Mahamod, Norasmah Othman dan Mohamed Sani Ibrahim. "Profesionalisme Guru Novis: Model Latihan." Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. 25 – 56.

- Salehudin Hj. Sabar dan Mahadi Hj. Khalid (2005). "Kertas Konsep Faktor-Faktor Graduan Berkerjaya Memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah–Pengkhususan Sekolah Rendah." *Jurnal Penyelidikan MPBL*. **6**. 35-52.
- Sharifah Baharom, Joki Perdani Sawai dan R. Balan Rathakrishnan (2006). " Hubungan Antara Komunikasi dalam Organisasi dengan Kepuasan Kerja, Prestasi Kerja dan Komitmen Kerja." Dicapai pada Januari 2008, dari http://www.fppsm.utm.my/jurnal/JK7DO6/JK7_SHARIFAHBAHARUM.pdf
- Sidek Mohd Noah (2002). "Perkembangan Kerjaya Teori dan Praktis." Edisi Pertama. Serdang: Universiti Putra Malaysia. 1-18.
- Suhaida Abdul Kadir dan Abdul Rasid Jamian (2007). "Masalah Profesionalisme Guru Novis." dlm. Zamri Mahamod, Norasmah Othman dan Mohamed Sani Ibrahim. "Profesionalisme Guru Novis: Model Latihan." Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. 138 – 147.
- Syed Arabi (1998). "Kaedah Penyelidikan dan Sains Sosial." Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weiss, E.M & Weiss, S.G. (1999). "Beginner Teacher Induction." *Journal of Teacher Education*. **24 (1)**. 35 – 47.
- Zafir dan Fazilah (2006). "Stres Di Tempat Kerja Dan Kesannya Terhadap Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan." *Malaysian Journal Of Community Health*. **12**. 37-45.
- Zapf, D. (2002). "Emotion Work and Psychological Well-being Review of the Literature and Some Conceptual Considerations." *Human Resource Management Review*. **12**. 237-268.

LAMPIRAN

Jadual 1: Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian	Kajian Deskriptif
Lokasi Kajian	Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM
Populasi Kajian	251 orang pelajar FPTeK : - 141 orang pelajar Sarjana - 110 orang pelajar tahun akhir Sarjana Muda
Sampel Kajian	161
Kaedah Pensampelan	Rawak Mudah (Senarai Populasi)
Instrumen Kajian	- Borang Soal Selidik - Temu Bual
Kajian Rintis	$\alpha = 0.869$

Jadual 1 : Penganalisan data berdasarkan persoalan kajian

Bil	Perkara	Kaedah Analisis Data
1	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi insentif?	Min dan Sisihan Piawai
2	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi hubungan sosial?	Min dan Sisihan Piawai
3	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi kemudahan prasarana?	Min dan Sisihan Piawai

4	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi fizikal?	Min dan Sisihan Piawai
5	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi intelek?	Min dan Sisihan Piawai
6	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi emosi?	Min dan Sisihan Piawai
7	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi persekitaran?	Min dan Sisihan Piawai
8	Apakah status kesediaan bakal pendidik menerima penempatan yang ditetapkan dari segi bebanan kerja?	Min dan Sisihan Piawai
9	Sejauh manakah tahap kesediaan antara bakal pendidik lelaki dan bakal pendidik perempuan.	Ujian t (Jantina)
10	Sejauh manakah tahap kesediaan bakal pendidik yang sudah berkahwin dengan bakal pendidik bujang	Ujian t (Status Perkahwinan)